

Kesukarelawan Pendidikan Mahasiswa UMP bersama pelajar SMK Tengku Indra Putra 1

Oleh: ASRAF AHMAD DAN NOR 'AISYATUL SAKINAH BAHARUDIN

Seramai 90 pemimpin pelajar sekolah melibatkan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP), Pegawai Sekolah, Pegawai Skim Pinjaman Buku Teks, Exco Asrama dan Pembimbing Rakan Sebaya berpeluang menyertai Kem Interaksi Pemimpin Muda (IN-TEAM) anjuran Sekolah Menengah Kebangsaan Tengku Indra Putra 1, Gua Musang Kelantan dengan kerjasama Kelab In-Smartive, Universiti Malaysia Pahang (UMP) pada 12 September 2015 yang lalu.

Penganjuran kali ini melibatkan seramai 28 mahasiswa dari Kelab In-Smartive yang berperanan sebagai fasilitator sepanjang program berlangsung selama tiga hari.

Menurut Pengurus Projek yang juga merupakan pelajar tahun dua Fakulti Kejuruteraan Pembuatan (FKP), Muhamad Farid Sulaiman, 20, melalui pendekatan akal mendahului emosi, modul kepimpinan sepanjang projek ini direkabentuk khas untuk menguji kemahiran berfikir dan penyelesaian masalah para peserta.

“Bagi mencapai objektif tersebut, para peserta dibimbing melalui modul seperti *Cermin Diri*, *D.I.C.E* dan *S.W.O.T Analysis* yang membantu mereka menjangka risiko, implikasi dan akibat dengan bijaksana sebelum bertindak dan membuat keputusan,” ujar beliau lagi.

Selain menjalani modul kepimpinan dalam program ini, para pelajar Tingkatan 5 sekolah ini juga berpeluang mengikut perkongsian pengalaman bersama pensyarah Fakulti Pengurusan Industri (FPI), Wan Nazrul Helmy Wan Mohd Zain yang juga Ketua Penyelidik Naib Canselor dalam slot ‘Anda: Kini dan Masa Hadapan’.

Pada masa yang sama, mahasiswa UMP turut dibawa turun padang bertemu penduduk kampung Limau Kasturi yang merupakan sebuah petempatan pedalaman yang teruk dilanda bencana banjir pada akhir tahun lalu sambil meninjau kerja pemulihan pascabanjir di Sekolah Kebangsaan (SK) Limau Kasturi.

Hadir merasmikan majlis penutup ialah Ketua Pegawai Pendidikan Daerah Gua Musang, Muhammad Zahari Othman yang menyifatkan kolaborasi ini sebagai satu perkongsian pintar yang boleh dikembangkan lagi.

Beliau turut menyatakan kesediaan pihaknya untuk menjemput Kelab In-Smartive mengendalikan projek akademik di Sekolah Kebangsaan Limau Kasturi dan Sekolah Kebangsaan Bihai, sebuah sekolah untuk masyarakat Orang Asli selain meneruskan inisiatif sedia ada bersama SMK Tengku Indra Putra 1.

Dalam majlis ini, beliau turut menyampaikan Anugerah Peserta Terbaik kepada pelajar Tingkatan 6 Rendah, Nik Zahiruddin Mohd Zamri dan Wan Farrah Hazleen Wan Hassim.

Kedua-duanya menyatakan rasa syukur berpeluang menjalani projek ini yang dapat mengasah bakat kepimpinan mereka sekaligus membantu pihak sekolah mewujudkan iklim disiplin yang berkesan.

Turut hadir ialah Pengetua SMK Tengku Indra Putra 1, Md Rashid Mustafa; Penolong Kanan Pentadbiran, Ummi Mariza Cha Ya, Penolong Kanan Hal Ehwal Murid; Dayang Asmah Ab. Hamid; Pembantu Penyelidik, Pejabat Naib Canselor, Asraf Ahmad dan Presiden In-Smartive, Ahmad Zarif Ahmad Fauzi.

